



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUSETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**KETUA JURUTEKNIK UKUR (C.3-4 EB.5)
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**KETUA JURUTEKNIK UKUR
JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kawalan Sistem Maklumat Tanah / Pemetaan Geomatik dan Informatik / Ukur Geodetik dan Kadastral / Ukur Tanah atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Ukur sebagai Juruteknik Ukur Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Juruteknik Ukur Tingkat I atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Juruukur dalam bidang-bidang kerja teknikal yang berhubung kait dengan bidang Ukur Tanah dan Geomatik;
2. Membantu Ketua Unit Ukur Geomatik atau Pemetaan Informatik;
3. Membantu Juruukur dalam memastikan tugas atau projek yang dirancang dilaksanakan;



4. Memeriksa peralatan di unit masing-masing berfungsi dan menepati spesifikasi;
5. Memeriksa ketetapan kerja-kerja pengukuran Ukur Geomatik dan Pemetaan Informatik;
6. Menyelia dan menyemak perjalanan kerja-kerja mengikut prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*);
7. Bertanggungjawab dalam pembahagian kerja-kerja ukur kepada kakitangan bawahan;
8. Bertanggungjawab sebagai penyelaras sumber tenaga kerja bawahan;
9. Membimbing dalam mendorong kakitangan bawahan dalam pencapaian hasil kerja yang optima dan memantau kemajuan kerja setiap individu;
10. Membuat penilaian kemahiran kakitangan bawahan dalam kerja teknikal masing-masing;
11. Ahli jawatankuasa kecil *Quality Control Circle* bagi Sistem Pengurusan Berkualiti (*ISO 9001*) di Jabatan ini; dan
12. Tugas-tugas yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.